

26 MAY 2001

DR MAHATHIR HARAP PENULIS MAIN PERANAN SEDARKAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap para penulis dapat memainkan peranan positif dengan menyedarkan masyarakat terhadap pentingnya memulihara perpaduan dan keamanan melalui penulisan mereka.

Perdana Menteri juga berharap melalui penulisan, penulis akan memainkan peranan bagi kemajuan dan kemakmuran negara ini.

Dr Mahathir berkata demikian dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sempena sambutan Hari Penulis Tamil 2001 anjuran Persatuan Dharathasan Malaysia yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Majlis yang dihadiri kira-kira 2,000 orang itu dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Dr Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada persatuan itu kerana berjaya menganjurkan Hari Penulis Tamil.

"Acara tahunan ini selain dapat merapatkan lagi hubungan antara penulis-penulis tempatan juga membolehkan mereka bertukar-tukar fikiran untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu," katanya.

-- BERNAMA

RV AT MOZ